

Angkat isu Lembah Mekong jadi agenda penting ASEAN

[FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA/BH]

➔ Keutamaan perlu diberi kerana berkait kemajuan ekonomi

Oleh Rohaniza Idris dan Sophia Ahmad
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

ASEAN perlu mengangkat isu di Lembah Mekong sebagai agenda penting pertubuhan itu, berbanding penekanan isu berkaitan Laut China Selatan.

Pengarah Eksekutif Institut Keamanan dan Kerjasama Kembangan (CICP), Pou Sothirak, berkata sudah tiba masanya ASEAN melihat isu dan pembangunan di Lembah Mekong sebagai agenda pertubuhan itu, walaupun hanya membabitkan enam negara secara langsung.

Katanya, beliau merasakan isu dan perkembangan di lembah itu lebih kritikal untuk dibincangkan ASEAN, berbanding pertikaian di Laut China Selatan.

"Ini kerana kesan pembangunan atau apa-apa isu berbangkit dengan Lembah Mekong akan terkesan secara langsung kepada ASEAN," katanya pada sesi



Sebahagian daripada peserta yang menyertai Persidangan APR 31 di Kuala Lumpur, semalam.

perbincangan serentak sempena Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik (APR) 31 anjuran Institut Kajian Antarabangsa dan Strategik ASEAN (ISIS) yang berakhir di sini, semalam.

Keperluan untuk ASEAN

Yang turut menyokong kenyataan Sothirak, Pengerusi ISIS, Tan Sri Rastam Mohd Isa, yang melihat satu keperluan kepada ASEAN untuk mengutamakan isu di Lembah Mekong, kerana separuh daripada komuniti ASEAN berada di lembah itu.

Katanya, isu Lembah Mekong bukan hanya membabitkan pembangunan di lembah itu tetapi berkait dengan kemajuan ekonomi untuk ASEAN.

"Sepatutnya sudah lama isu ini dijadikan agenda ASEAN bu-

**THIRTY-FIRST
ASIA-PACIFIC
ROUNDTABLE**
THE FUTURE OF THE ASIA PACIFIC :
ISSUES AND INSTITUTIONS IN FLUX

22 - 24 MEI 2017
KUALA LUMPUR

kan acara sampingan di dalam persidangan terbesar di rantau ini. Kita tidak pasti mengapa sekretariat tidak mengambil berat isu di lembah itu," katanya.

Timbalan Pengarah Institut Alam Sekitar Stockholm, Pusat

Asia Thailand, Dr Chayanis Krittasudthacheewa, berkata beliau optimist ASEAN akan melihat kepada keperluan menjadikan isu Lembah Mekong, salah satu agenda pertubuhan itu.